

Nama:

Kelas:

A. Padankan jenis eksploitasi tersebut dengan maksud yang betul.

EKSPLOITASI UNTUK
MELAKUKAN JENAYAH

MENGUPAH KANAKKANAK
SEBAGAI askar

KAHWIN PAKSA

PEDOFILIA

EKSPLOITASI SEKSUAL

EKSPLOITASI BURUH

1.	Penipuan, paksaan atau memujuk seseorang untuk terlibat dalam sesuatu perlakuan seksual. Contoh kegiatan ialah pelacuran, tukang urut, agensi teman, kahwin paksa, seks siber, seks pelancongan, seks talian, mail order bride dan filem lucah.
2.	Orang dewasa yang mengambil kesempatan untuk memenuhi kehendak nafsu seksualnya ke atas individu-individu di bawah umur.
3.	Kanak-kanak di bawah umur 18 tahun dipaksa untuk bekerja. Paksaan ini mungkin wujud dalam bentuk kekerasan, penderaan atau keganasan. Kanak-kanak ini juga diminta untuk bekerja bagi menjelaskan hutang keluarga.
4.	Ibu bapa yang memaksa anak mereka berkahwin dengan individu-individu tertentu. Kanak-kanak ini mungkin diugut secara fizikal, seksual atau dikenakan tekanan emosi dan psikologi yang tinggi untuk mengikut kehendak mereka
5.	Menjadi keldai dadah, mengemis, menyeluk saku, meragut beg dan penjualan barang-barang tiruan.
6.	Pihak-pihak tertentu menggunakan kanak-kanak untuk mempertahankan dan menyebarkan ideologi terpesong mereka.

B. Jawab semua soalan berikut dengan merujuk buku teks PJPK tingkatan 3

1. Apakah maksud Eksploitasi?

C. Isi tempat kosong bagi jenis-jenis Eksploitasi

1. Orang dewasa yang mengambil _____ terhadap individu-individu di bawah umur untuk memenuhi kehendak seksualnya.
2. Individu-individu di bawah umur 18 tahun yang dipaksa untuk _____.
3. Individu-individu yang ditipu, _____, atau dipujuk oleh seseorang untuk terlibat dalam perlakuan seksual.
4. Individu-individu yang dipaksa untuk melakukan _____ seperti meragut, mengemis, menyeluk saku, dan sebagainya.